

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

SOALAN NO. 485

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pengagihan kursus STEM (*Science, Technology, Engineering, Math*) peringkat ijazah sarjana muda untuk kemasukan IPTA antara pelajar lepasan STPM, matrikulasi, asasi (UM dan UiTM), pra-universiti di bawah IPTA dan diploma di bawah IPTA dari tahun 1990 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi yang menggunakan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum di dalam pemilihan kemasukan pelajar ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA).

Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA dan ILKA. Semua calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas kemasukan ke Program Pengajian serta memenuhi kriteria pemilihan yang

NO. SOALAN: 485

telah ditetapkan oleh Senat IPTA dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon.

Bagi tempoh lima tahun iaitu bagi Sidang Akademik 2014/2015 sehingga Sidang Akademik 2018/2019, secara purata sebanyak 22,318 orang calon lepasan STPM, Matrikulasi, Asasi dan Diploma yang memohon kemasukan ke IPTA melalui *UPUOnline* telah ditawarkan program pengajian dengan pecahan 20 peratus (4,489 orang) calon lepasan STPM, 54 peratus (11,969 orang) calon lepasan Matrikulasi, 10 peratus (2,329 orang) calon lepasan Asasi dan 16 peratus (3,531 orang) calon lepasan Diploma telah ditawarkan program pengajian IPTA.

RT65/485